

→ SASTERA & BUDAYA

Hidupkan kembali perubatan Islam

Wacana ATMA kupas masalah rumah tangga dari sudut pandang etnosains

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

Bangi

Masalah rumah tangga yang berlaku dalam kalangan suami isteri, termasuk yang memberi kesan kepada hal bilik tidur perlu turut dilihat daripada aspek etnosains perubatan Melayu dan bukan hanya aspek sains perubatan semata-mata.

Menurut Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Supyan Hussin, selain lemah tenaga batin yang boleh dijelaskan mengikut aspek perubatan, terdapat juga hal lain yang sebenarnya boleh memberi kesan kepada hubungan intim suami isteri.

"Hari ini nampaknya masih ada lagi sesetengah pihak yang bersandar kepada dimensi lain daripada biasa bertujuan memecah belahkan sesebuah rumah tangga.

"Sandaran kepada khidmat jin, bomoh dan dukun ini digunakan sesetengah pihak bagi memporak-perandakan hubungan suami isteri.

"Disebabkan itu juga, selain melihat daripada aspek sains, masalah sebegini perlu turut ditangani melalui etnosains perubatan yang mempunyai kaitan dengan agama Islam seperti dilakukan melalui ruqyah syariah," katanya.

Beliau berkata demikian pada Siri Wacana Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA): Memulihara Kehebatan Kelelakian dari Perspektif Etno-Sains Perubatan Melayu yang berlangsung di Canselor, UKM, baru-baru ini.

Yang turut serta pada wacana berkenaan ialah Perucyah Pusat Ruqyah Hijrah, Dr Mohamad Hussaini Razali dan Pengarah Urusan Pusat Perubatan Qalam Laduni, Mohamed Zaki Itam.

Buta selepas nikah kali ketiga
Apa disebut Supyan itu turut dipersetujui pengamal perubatan, Dr Mohamad Hussaini yang kini mengamalkan sepenuhnya perubatan Islam sejak beberapa tahun lalu.

Dr Mohamad Hussaini berkata, beliau sendiri beralih kepada perubatan Islam melalui ruqyah syarie selepas mendapati banyak hal yang tidak dapat diselesaikan hanya dengan mengamalkan perubatan moden.

Dalam perubatan Islam yang diamalkannya, Dr Mohamad Hussaini juga memeriksa kalbu pesakit yang menurutnya dilakukan bagi mengesan sama ada pesakit memiliki masalah hati atau cepat marah, selain melakukan pemeriksaan saraf.

Antara pesakit yang dirawat ialah dalam kalangan lelaki yang berdepan kegagalan fungsi seksual, termasuk seorang suami yang ti-



Dari kiri Mohamad Hussaini, Supyan dan Mohamed Zaki pada Siri Wacana ATMA: Memulihara Kehebatan Kelelakian dari Perspektif Etno-Sains Perubatan Melayu di UKM, Bangi, baru-baru ini.

dak berupaya memberi nafkah batin kepada isterinya selama 10 tahun. Si suami menjadi buta sebaik mendirikan rumah tangga buat kali ketiga.

Katanya, pesakit itu sudah berubat ke merata tempat, termasuk merujuk masalah kesihatannya kepada pengamal perubatan Cina dan India, namun tidak menemui penawar mujarab menyebabkan pesakit itu yakin dia disihir.

"Pesakit ini ketika mula datang hanya merujuk masalah penglihatannya kerana sudah lama tidak dapat melihat wajah isterinya.

"Penglihatannya semakin baik selepas rawatan sesi pertama dan ketika datang untuk sesi kedua, baru saya bertanya sama ada pesakit mengalami masalah fungsi seksual dan sebagai perawat saya turut meruqyah pesakit itu.

"Keesokannya pesakit memaklumkan selepas berubat malam sebelumnya, beliau akhirnya dapat menunaikan tanggungjawab

batin terhadap isterinya yang sudah 10 tahun tidak berlaku," katanya.

Lambat sembuh jika tak solat

Menurut Dr Mohamad Hussaini, sihir yang dirawat dengan betul boleh pulih segera, seperti berlaku kepada pesakit berkenaan yang akhirnya dapat kembali melihat serta tidak lagi mengalami masalah fungsi seksual.

"Sihir rumah tangga antara paling biasa berlaku dan ini juga menjadi antara punca berlaku perceraian. Kesan sihir ini boleh jadi sangat kuat sehingga ada pasangan suami isteri tidak berupaya untuk terus bersama.

"Pasangan yang berdepan masalah sebegini boleh cuba mencari penyelesaian melalui perubatan Islam bagi mengelakkan perceraian," katanya.

Sementara itu Mohamed Zaki yang berpengalaman lebih 40 tahun dalam perubatan Islam me-

nekankan, amalan zikir, solat dan riadah sebagai sebahagian daripada kaedah rawatan yang dijalankannya.

"Sebagai seorang pengamal perubatan, saya cuba menerapkan tiga kaedah ini kepada pesakit. Tanpa solat, zikir dan riadah serta doa, saya lihat proses untuk sembuh lambat berlaku," katanya.

Menurut Mohamed Zaki, amalan perubatan Islam perlu dihidupkan kembali dalam kalangan masyarakat di negara ini.

"Tiada larangan untuk memilih perubatan moden, tetapi apa yang saya lihat ketidakpercayaan terhadap kaedah rawatan Islam. Mungkin ia berpunca daripada kos rawatan tradisional yang lebih murah.

"Tanggapan sesetengah orang yang murah itu kualitasnya rendah. Bagaimanapun dalam masa sama, ada juga orang bukan Islam mula mencuba perubatan Islam," katanya.